

17/09/2002

Negara hadapi dua ancaman baru: Zahidi

Jalal Ali Abdul Rahim

LUMUT, Isnin - Pencerobohan sistem komputer dan hasutan pihak tertentu dari dalam dan luar negara adalah dua ancaman baru kepada keselamatan negara yang perlu ditangani secara bersepadu, termasuk oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, berkata pencerobohan sistem komputer yang membolehkan pelbagai maklumat ATM jatuh ke tangan anasir tertentu dan hasutan berniat jahat akan menjejaskan keselamatan negara.

"Ancaman inilah yang kita hadapi sekarang," katanya pada sidang akhbar selepas Perbarisan Hari ATM ke-69 peringkat kebangsaan di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di sini, hari ini.

Sebelum itu, Mohd Zahidi menerima tabik hormat 791 pegawai dan anggota Tentera Darat, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), diketuai Komander Aris Hadi Tan Abdullah dari TLDM.

Beliau turut menyampaikan Pingat Perkhidmatan Setia dan Sijil Kepujian Panglima ATM kepada pegawai dan anggota.

Turut hadir, Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Md Hashim Hussein; Panglima TUDM, Jeneral Datuk Seri Suleiman Mahmud dan Panglima TLDM, Laksamana Datuk Mohd Ramly Abu Bakar.

Mohd Zahidi berkata, Kementerian Pertahanan dan Kerajaan Pusat sentiasa mencari jalan menangani pencerobohan sistem komputer.

Katanya, pada peringkat Markas ATM sendiri, sebuah organisasi ditubuhkan bagi memperkasa maklumat serta menghadapi sebarang ancaman seperti itu.

Pada masa sama, beliau berkata, ancaman bentuk baru serta ancaman keganasan perlu ditangani secara bersepadu, sama ada meningkatkan kerjasama antara ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM sendiri atau pelbagai pihak lain.

"Kerajaan juga mengadakan beberapa perbincangan bagi mewujudkan satu jawatankuasa induk dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertujuan meneliti perkembangan semasa serta menyelaras tindakan membabitkan semua agensi kerajaan," katanya.

Beliau berkata, satu dasar dan mekanisme pengurusan serta pengendalian krisis keganasan sudah ditetapkan kerajaan dan ATM perlu bersedia menangani krisis keganasan secara bersepadu.

"Kejadian serangan pengganas 11 September tahun lalu jelas menunjukkan kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa setiap individu bukan saja perlu meningkatkan profesionalisme tetapi memerlukan kerjasama pada semua peringkat sama ada dalam dan luar negara," katanya.

Terdahulu dalam perutusannya, Mohd Zahidi berkata, perancangan pembangunan ATM digubal bagi menjayakan keupayaan angkatan yang seimbang serta membolehkan ATM melaksanakan operasi serentak jika perlu di dua medan iaitu Semenanjung dan Sabah serta Sarawak.

Beliau berkata, ATM juga mengenal pasti beberapa kekurangan dalam skim perkhidmatannya hingga golongan muda tidak memilih tentera sebagai kerjaya pilihan utama mereka.

Katanya, ATM berusaha memperbaiki beberapa syarat perkhidmatan termasuk mengadakan elaun dan imbuhan tertentu yang sudah diumumkan kerajaan bertujuan menarik anggota baru di samping mengekalkan anggota sedia ada untuk terus berkhidmat.